

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 30 September 2018 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 September 2018 melainkan jika dinyatakan

Objective / Objektif Dana


Takafulink Dana Urus is a managed fund that seeks to maximise returns over medium to long term. This is achieved by investing in Shariah-approved shares and securities through Takafulink Dana Ekuiti and Takafulink Dana Bon and in any other such Takafulink funds that may become available in the future. Suitable for participants with moderate to high risk tolerance and medium to long term investment horizon.

Takafulink Dana Urus adalah satu dana yang diuruskan untuk memaksimumkan pulangan di dalam jangka masa sederhana ke panjang. Ia dicapai dengan pelaburan di dalam saham dan sekuriti berlandaskan Shariah melalui Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Bon serta dana-dana Takafulink yang lain yang mungkin disediakan di masa hadapan. Dana ini adalah untuk para peserta yang mempunyai daya toleransi sederhana ke tinggi dan ingin melabur di dalam jangka masa sederhana ke panjang.

Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Eastspring al-Wara' Investments Berhad
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	01/12/2006
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM292,026,192.53
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.30% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM2.10753


How the Fund has performed / Prestasi Dana



Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	-0.18%	3.63%	-1.95%	3.31%	10.40%	18.83%	110.62%
Benchmark / Penanda Aras	-0.75%	4.06%	-2.96%	0.00%	7.50%	5.54%	69.55%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	0.57%	-0.43%	1.01%	3.31%	2.90%	13.29%	41.07%

Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation Peruntukan Aset

	% NAV
1 Takafulink Dana Ekuiti	82.54
2 Takafulink Dana Bond	17.45
3 Cash, Deposits & Others	0.01

Takafulink Dana Ekuiti Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Tenaga Nasional Berhad	9.17
2 Dialog Group Berhad	7.56
3 Petronas Chemicals Group Berhad	6.45
4 Axiata Group Berhad	4.20
5 Hartalega Holdings Berhad	4.08
6 Press Metal Aluminium Holdings Berhad	3.79
7 IOI Corporation Berhad	3.32
8 Petronas Gas Berhad	3.23
9 QL Resources Berhad	2.78
10 Sime Darby Berhad	2.69

Takafulink Dana Bon Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Prasarana Malaysia Berhad*	7.26
2 Prasarana Malaysia Berhad*	6.26
3 Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional	4.55
4 YTL Power International Berhad	4.50
5 Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam	4.49
6 Tenaga Nasional Berhad	4.47
7 Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	4.44
8 MEX II Sdn Bhd	3.75
9 Manjung Island Energy Berhad	3.62
10 BGSM Management Sdn Bhd	2.92

* Different coupon rates & maturity dates for each.

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 30 September 2018 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 September 2018 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

Equities

Market Review

In the month of September, the Malaysian equity market generally saw stocks detract in performance. After four months of consecutive net selling, foreign investors turned a slight net buyer of RM0.1bn in September. Brent crude oil prices rose 6.8% mom as concerns for a tighter market re-emerged after OPEC and Russia show no signs to increase production. During the month, emerging markets were also rattled by fears of twin deficits and potential contagion effects from sharp currency depreciation as experienced by countries such as Turkey and Argentina. The FBM Shariah Emas Index closed the month at 12,678.56 points, down 1.0% mom, whilst the FBM Shariah Small Cap Index declined 0.5% mom.

Market Outlook

Malaysia has been relatively blessed being a net oil exporter in a period when oil prices trend higher. This allows investors not to lump Malaysia in the same category as other emerging markets who are now more vulnerable given the risks of twin deficits – made worse by the higher oil import bill. However, Malaysia's fiscal position remains a concern on investor's minds, and we will be closely monitoring the announcement of the upcoming Budget 2019 for more clarity and possibly catalysts. Expectations for higher fiscal deficit percentage during the transition years of 2018-2019 is gaining more acceptance, however, this needs to be followed with credible measures and policies to ensure the government remain fiscally prudent for a sustainable economy for the longer run. The 2H2018 will be challenging for the economy as consumers may tighten their belts with the implementation of SST in September, having spent in advance during the tax-free period.

Whilst we are cautiously optimistic for the long-term outlook, the short-term view remains challenging, complicated with the ongoing US trade war tensions and rising rate environment. Nevertheless, we remain focused on fundamentally strong companies, which we would look to accumulate during corrections.

Ekuiti

Tinjauan Bulanan

Pada September, pasaran ekuiti Malaysia pada amnya menyaksikan prestasi saham merosot. Selepas empat bulan berturut-turut menjadi penjual bersih, pelabur asing bertukar kepada pembeli bersih yang sedikit, iaitu RM0.1 bilion pada September. Harga minyak mentah Brent naik 6.8% bulan ke bulan ekoran kebimbangan terhadap pasaran yang menyempit muncul semula selepas OPEC dan Rusia tidak menunjukkan sebarang tanda untuk meningkatkan pengeluaran. Pada bulan tersebut, pasaran memuncuk juga tergugat disebabkan oleh kebimbangan terhadap defisit dan kemungkinan penularan kesan berikutan junaman nilai mata wang seperti yang dialami oleh sebahagian negara seperti Turki dan Argentina. Indeks FBM Emas Shariah menutup bulan pada 12,678.56 mata, turun 1.0% bulan ke bulan, sementara Indeks FBM Shariah Small Cap merosot 0.5% bulan ke bulan.

Gambaran Bulanan

Malaysia agak beruntung kerana menjadi pengeksport minyak bersih pada ketika trend harga minyak meningkat. Ia membolehkan para pelabur tidak menempatkan Malaysia dalam kategori yang sama seperti pasaran memuncuk yang kini lebih rentan memandangkan risiko angka defisit berkembar - menjadi semakin teruk ekoran bil import minyak yang lebih tinggi. Namun demikian, kedudukan fiskal Malaysia masih menghantui minda pelabur, dan kami akan memantau pengumuman Bajet 2019 yang akan datang secara terperinci agar lebih jelas serta ia mungkin mencetus pemangkin.

Jangkaan peratusan defisit fiskal yang lebih tinggi pada tahun-tahun peralihan 2018-2019 semakin meraih penerimaan, namun, ia perlu disusuli dengan pendekatan dan dasar yang boleh dipercayai bagi memastikan kerajaan kekal berhemat dengan fiskal agar mencapai ekonomi yang mapan dalam jangka lebih panjang. Setengah tahun kedua 2018 mencabar ekonomi kerana pengguna mungkin mengikat perut ekoran pelaksanaan SST pada September, setelah berbelanja ketika tempoh bebas cukai sebelumnya.

Sementara kita optimis secara berhati-hati dengan gambaran jangka panjang, pandangan jangka pendek masih mencabar, rumit dengan ketegangan kemelut perdagangan AS dan persekitaran kadar yang meningkat. Walau bagaimanapun, kami tetap memberi tumpuan kepada syarikat-syarikat berasas kukuh, yang kami jangka akan menumpuk perolehan semasa pembetulan.

Fixed Income

Market Review

Malaysia sovereign bonds yields for 3-years, 5-years, 10-years and 15-years MGS increased by 2-13bps in September to close higher at 3.61%, 3.75%, 4.07% and 4.49% respectively. Sovereign bonds yields moved higher in the month due to selling pressure on the back of rising US treasury yields. Similarly, MGII yields for the 3-years, 5-years and 15-years moved higher by 2-19bps to close at 3.70%, 3.86% and 4.56% respectively while the 10-years MGII remain unchanged at 4.14%. Meanwhile, trading in corporate bonds declined in the month of September with most trades concentrated in selected quasi-government, AAAs, and AAs rated bonds.

Market Outlook

The sixth and last Monetary Policy Committee ("MPC") meeting for 2018 will be held on 8 November 2018. Previously, Bank Negara Malaysia ("BNM") maintained the Overnight Policy Rate ("OPR") at 3.25% during September's meeting and reiterated that the current level of OPR remains accommodative and the domestic economy is growing on a steady growth.

Investors will be scrutinizing the upcoming Budget 2019 which will be tabled by the new Malaysian Government on 2nd November. Prime Minister Tun Dr. Mahathir had said previously that the 2019 Budget would entail many sacrifices as the Government grappled with reducing its debts and liabilities that they inherited from the previous administration. Investors expect the Government to maintain its fiscal prudence to avoid any risk of sovereign outlook change or ratings downgrade and at the same time continue to address the welfare of the people and needs for nation's growth. MYR corporate bond market is expected to see continuous decent supply in the pipeline in the coming month as issuers have been sidelined in the past several months. We expect demand for corporate bonds to remain well supported as yields have risen recently.

Fund Review & Strategy

The Fund returned -0.18% for the month, outperforming the benchmark return of -0.75% by 0.57%. Year-to-date, the fund returned -1.56%, outperforming the benchmark return of -3.21% by 1.65%.

Performance in September was mainly due to strong outperformance in the underlying equity fund.

Currently, the fund overweight equity marginally and will stay at current level.

TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 30 September 2018 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 30 September 2018 melainkan jika dinyatakan

Pendapatan Tetap

Tinjauan Bulanan

Hasil bon kerajaan Malaysia MGS bagi tempoh 3 tahun, 5 tahun, 10 tahun dan 15 tahun masing-masing meningkat 2 hingga 13 mata asas pada September lalu di tutup lebih tinggi pada 3.61%, 3.75%, 4.07% dan 4.49%. Kadar bon kerajaan meningkat pada bulan ini berikutan tekanan jualan ekoran peningkatan hasil perbendaharaan AS. Begitu juga, hasil MGII bagi tempoh 3 tahun, 5 tahun dan 15 tahun masing-masing bergerak lebih tinggi sebanyak 2 hingga 19 mata asas untuk di tutup pada 3.70%, 3.86% dan 4.56% manakala MGII 10 tahun kekal pada 4.14%. Sementara itu, dagangan bon korporat merosot pada September dengan kebanyakan dagangan tertumpu kepada bon bertaraf kuasi kerajaan serta bon bertaraf AAA dan AA.

Gambaran Bulanan

Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari keenam dan yang terakhir untuk 2018 akan berlangsung pada 8 November 2018. Sebelum ini, Bank Negara Malaysia ("BNM") mengekalkan Kadar Dasar Semalaman ("OPR") pada 3.25% semasa mesyuarat September dan mengulangi bahawa tahap OPR semasa masih akomodatif dan ekonomi domestik berkembang dengan pertumbuhan yang mantap. Pelabur akan meneliti Bajet 2019 akan datang, yang akan dibentangkan oleh Kerajaan Malaysia baru pada 2 November. Perdana Menteri Tun Dr Mahathir sebelum ini mengatakan bahawa Bajet 2019 akan menuntut banyak pengorbanan kerana Kerajaan bergelut untuk mengurangkan hutang dan liabiliti yang mereka warisi dari pentadbiran sebelumnya. Pelabur mengharapkan Kerajaan untuk mengekalkan hemat terhadap fiskal bagi mengelakkan sebarang risiko perubahan gambaran kerajaan atau penurunan taraf dan pada masa yang sama terus menangani kebajikan rakyat serta keperluan pertumbuhan negara.

Pasaran bon korporat MYR di jangka menerima bekalan yang agak memadai pada bulan mendatang memandangkan penerbit telah diketepikan sejak beberapa bulan lalu. Kami menjangkakan bahawa permintaan terhadap bon korporat terus di sokong berikutan hasil yang meningkat baru-baru ini.

Tinjauan dan Strategi Dana

Dana mencatat pulangan -0.18% untuk bulan ini, mengatasi pulangan penanda aras -0.75% sebanyak 0.57%. Setakat tahun ini, Dana mengembalikan pulangan -1.56%, mengatasi pulangan penanda aras -3.21% sebanyak 1.65%.

Prestasi pada September di pacu oleh prestasi cemerlang pelaburan dasar ekuiti Dana.

Pada masa ini, pegangan Dana sedikit berlebihan dalam ekuiti dan akan kekal pada paras tersebut.

Source / Sumber: Fund Commentary, September 2018, Eastspring Investments Berhad

Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL